

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 OCTOBER 2016

Najib lawat Tasik Chini hari ini

um - 15/10/2016

KUANTAN 14 Okt. - Lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Tasik Chini, Pekan dekat sini esok mencerminkan komitmen kerajaan untuk memulihara kawasan itu yang diiktiraf sebagai tapak Rizab Biosfera pertama di negara ini.

Tasik Chini yang meliputi kawasan seluas 4,856 hektar adalah tasik semula jadi kedua terbesar di negara ini dan menerima pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai tapak Rizab Biosfera pada Mei 2009.

Dalam lawatan itu, Najib dijadual merasmikan Pusat Satelit Tasik Chini di Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC), dikendalikan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan terlibat sepenuhnya dalam menjalankan penyelidikan tentang ekohidrologi dan kualiti air, flora dan

fauna, klimatologi serta kejuruteraan persekitaran.

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dalam kenyataan berkata, Perdana Menteri akan diberi taklimat tentang kemajuan usaha pemuliharaan Tasik Chini, selain menyertai program menanam semula pokok serta melepaskan anak-anak ikan ke dalam tasik itu sebagai simbolik penambahbaikan mutu air hasil inisiatif pemuliharaan semula.

Katanya, sehingga kini, kerajaan Pusat menerusi ECERDC, kerajaan negeri Pahang, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, PPTC, agensi kerajaan serta masyarakat tempatan telah bekerjasama melaksanakan beberapa projek pemuliharaan di Tasik Chini.

“Usaha ini termasuk membina stesen pengawasan air, pemuliharaan kawasan tebing tasik, penstabilan cerun, menanam semula

pokok dan membersihkan tasik.

“Lawatan Perdana Menteri merupakan bukti komitmen jangka panjang kerajaan dalam memastikan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan Tasik Chini digiatkan serta dilaksanakan secara berterusan untuk generasi akan datang,” kata kenyataan itu.

Sementara itu, Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Pekan turut dijadual menyampaikan hadiah kepada pemenang Larian Jambatan UDA Pekan 2016 yang dianjurkan UDA Holdings Berhad (UDA Holdings) di Hotel Ancasa Royale Pekan.

Selepas itu, beliau dijadual melancarkan pembukaan gundang pemasangan tempatan bagi model Mercedes-Benz di bawah inisiatif Dana Mudah Cara Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) di Taman Automotif Pekan pada pukul 11 pagi sebelum ke Tasik Chini.